

# Proton Saga berimej baru Mn.M. 16 AUG 1992 sepenuhnya menjelang 1994

KUALA LUMPUR 15 Ogos — Proton Saga berimej baru dan berbeza wajah sepenuhnya dengan model sekarang dijangka akan dikeluarkan menjelang 1994, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

"Kita mungkin akan mengeluarkan model tempat memandu sebelah kiri bagi tujuan eksport ke Eropah," kata Perdana Menteri.

Beliau membayangkan kemungkinan kerajaan akan meneruskan kerjasama dengan syarikat kereta Mitsubishi dari

Jepun untuk mengeluarkan Proton Saga berimej baru ini.

"Kerjasama dengan Mitsubishi masih penting, bahkan banyak negara lain seperti Amerika Syarikat menjalin kerjasama dengan syarikat Jepun yang telahpun diiktiraf mempunyai kelebihan dalam bidang pembuatan automobil dan kejuruteraan," katanya kepada para pemberita selepas melancarkan model Proton Saga terbaru 'ISWARA' di Dataran Merdeka di sini.

Mengenai model baru 'ISWARA', Dr. Mahathir ber-

kata, model tersebut akan dieksport ke Great Britain dan Singapura.

Singapura katanya, merupakan pasaran kedua terbesar Proton Saga selepas Great Britain.

"Kita mengeksport 14,000 unit Proton Saga setahun ke Great Britain. Ini merupakan kejayaan besar bagi kita, kerana di masa jualan Proton meningkat, pasaran kereta Britain mengalami kemerosotan," kata Dr. Mahathir.

Beliau menjangka Malaysia

**LIHAT MUKA '6**

## PROTON SAGA BERIMEJ BARU MENJELANG 1994

mampu menghasilkan 150,000 unit Proton Saga setahun dalam masa beberapa tahun akan datang. Buat masa ini Malaysia mengeluarkan 120,000 unit kereta nasional setahun.

Ditanya mengenai model 'ISWARA', Perdana Menteri berkata, model tersebut mempunyai beberapa perubahan berbanding dengan yang lama dan berharap ia dapat diterima dengan baik oleh pembeli.

Dr. Mahathir melancarkan 'ISWARA' dalam keadaan hujan renyai di Dataran Merdeka dengan disaksikan oleh orang ramai yang menunggu untuk menyaksikan wajah baru kereta nasional itu.

Upacara penuh gemilang dan berwarna-warni itu dimeriahkan dengan persembahan hiburan oleh artis-artis tanah air seperti Liza Aziz, Dato' S.M. Salim dan Aishah serta persembahan pentomen berlatarbelakangkan alam semula jadi. Ia dipancarkan secara langsung ke seluruh negara melalui TV.

'ISWARA' nama saintifik sejenis kupu-kupu Malaysia, dilengkapi dengan ekzos kawalan pelepasan asap Proton Saga bagi membantu mengurangkan jumlah gas toksik yang dilepaskan ke udara.

Model baru Proton Saga itu mempunyai lengkung bulat roda depan dan pelapik perlindungan sisi yang lebih lebar di samping bumper depan dan belakang yang lebih besar, sporty serta mampu menyerap daya hentakan 2.5 kilometer sejam.

Antara perubahan lain ialah lampu depan dan sisi yang lebih cantik dan penutup atas enjin (bonet) yang mempunyai garis tertumpu kepada lambang Proton Saga bentuk baru.

Pengarah Eskutif Eedaran Otomobil Nasional (EON) Mohd Nadzmi Salleh berkata ISWARA akan berada dalam pasaran selama beberapa tahun kerana Proton telah melabur berjuta-juta ringgit dalam projek ini.